

Proposed CPF changes – Questions you want answered (Malay)

Perubahan-perubahan CPF yang dicadangkan - Soalan-soalan yang anda ingin jawapannya

S1. Mengapa kita perlu membuat perubahan-perubahan pada sistem CPF?

Hari ini, ramai pesara bergantung pada anak mereka untuk menyara mereka bila mereka sudah tua. Tetapi lebih ramai orang sekarang hidup lebih lama, tinggal membujang atau mempunyai sedikit anak. Pesara di masa depan terpaksa bergantung lebih pada simpanan CPF untuk keperluan persaraan mereka. Kita mesti mula memperbaiki sistem CPF secara perlahan-lahan sebagai persediaan untuk cabaran-cabaran yang mendatang ini. Warga Singapura akan diberi masa yang mencukupi untuk menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan itu.

S2. Mengapa kita perlu meningkatkan Jumlah Wang Minimum dan kadar sumbangan Akaun Khas?

Sambil ekonomi tumbuh dan gaji bertambah, warga Singapura akan mempunyai jangkauan yang lebih tinggi tentang apa yang mencukupi bagi keperluan asas persaraan mereka. Jumlah Wang Minimum sekarang sebanyak \$80,000 tidak akan mencukupi. Pada masa yang sama, kadar sumbangan kepada Akaun Khas perlu dinaikkan untuk menolong lebih ramai warga Singapura mencapai Jumlah Wang Minimum. Langkah-langkah ini akan memastikan bahawa warga Singapura menyimpan wang yang mencukupi untuk bersara dengan selesa.

S3. Adakah saya akan mempunyai wang yang mencukupi dalam Akaun Biasa saya untuk membayar pinjaman gadai janji saya?

Ia, kebanyakan anggota CPF akan mempunyai kadar sumbangan Akaun Biasa yang lebih tinggi daripada apa yang mereka terima sekarang, apabila sumbangan CPF majikan dipulihkan sepenuhnya. Mereka akan mampu membayar pinjaman gadai janji mereka.

[Untuk maklumat lanjut tentang perubahan kepada kadar CPF, kunjung laman ERC di www.erc.gov.sg.]

S4. Mengapa kita perlu memotong jumlah kadar sumbangan CPF bagi pekerja yang lebih tua yang berusia 50-55 tahun kepada 32% (16% sumbangan majikan dan 16% sumbangan pekerja)?

Di bawah sistem gaji kita yang berdasarkan usia pekerja, majikan menanggung kos yang lebih tinggi untuk menggaji para pekerja yang matang berbanding dengan para pekerja yang lebih muda yang mempunyai kemahiran yang sama. Para pekerja matang mempunyai risiko yang lebih tinggi apabila syarikat-syarikat mengurangkan tenaga kerja mereka. Dan jika mereka dibuang kerja, mereka akan mendapati sukar untuk mendapatkan kerja lain. Kadar sumbangan CPF 40% bagi pekerja yang berusia 50-55 tahun menambahkan masalah ini, kerana ia tidak menggalakkan majikan mengambil pekerja-pekerja yang lebih tua, dan para pekerja yang lebih tua untuk bekerja dengan gaji yang lebih rendah. Mengurangkan jumlah kadar sumbangan CPF bagi golongan ini kepada 32% akan menolong mereka kekal bekerja, dan meningkatkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan baru apabila mereka dibuang kerja.

S5. Adakah kadar sumbangan 32% keseluruhannya akan menyebabkan para pekerja yang berusia 50-55 tahun menghadapi masalah membayar pinjaman perumahan mereka?

Para pekerja lebih muda akan mempunyai masa untuk membuat penyesuaian, dan tidak mungkin menghadapi masalah itu apabila mereka mencapai usia 50-55 tahun. Sebahagian daripada pekerja dalam golongan ini sekarang mungkin menghadapi masalah, tetapi kita jangkakan bilangan mereka adalah kecil. Ini kerana pemotongan sumbangan pekerja kepada CPF kepada 16% bererti pekerja dalam golongan usia 50-55 tahun membawa pulang gaji yang lebih tinggi. Majikan akan juga terdorong, sebagai langkah peralihan, memberi ganjaran kepada para pekerja dalam golongan ini yang wajar menerimanya dalam bentuk bonus atau komponen gaji bulanan berubah-ubah (MVC), sementara kadar CPF bagi golongan lain dipulihkan. Dari itu, para pekerja boleh menggunakan gaji mereka yang lebih tinggi untuk membayar sebahagian daripada pinjaman perumahan mereka. Untuk menolong para pekerja menyesuaikan diri kepada perubahan-perubahan ini dengan lebih baik, Jawatankuasa Semakan Ekonomi telah juga mencadangkan supaya pemerintah membenarkan mereka mengeluarkan simpanan Akaun Khas mereka untuk menampung kekurangan dalam pembayaran semula pinjaman perumahan mereka sehingga mereka mencapai usia 55.

S6. Mengapa Jawatankuasa Semakan Ekonomi ingin mengurangkan gaji maksimum bagi sumbangan CPF daripada \$6,000 kepada \$5,000?

Para pekerja bergaji tinggi mempunyai simpanan wang tunai yang lebih tinggi dan boleh menjaga urusan kewangan mereka sendiri. Mengurangkan gaji maksimum kepada \$5,000 akan mengurangkan simpanan wajib mereka, dan membolehkan mereka mengambil tanggungjawab yang lebih bagi diri mereka, termasuk perancangan bagi keperluan persaraan mereka.

S7. Bagaimana pekerja berpendapatan rendah boleh terjejas dengan saranan untuk menaikkan paras gaji terbawah untuk sumbangan pekerja kepada CPF kepada \$500 - \$750?

Pekerja yang berpendapatan antara \$500 dan \$700 hanya perlu membuat sumbangan yang kecil dari gaji mereka ke dalam akaun simpanan CPF mereka. Oleh itu, mereka akan mendapat gaji bersih yang lebih besar untuk menampung belanja seharian mereka.

S8. Bagaimana saya mendapat manfaat daripada saranan agar Lembaga CPF memudahkan pelaburan dalam dana pencen swasta?

Pelan pencen swasta adalah pelan pelaburan yang menawarkan kelebihan dari segi pengurusan profesional, kos yang lebih rendah dan kepelbagaian yang lebih baik. Jika anda memutuskan untuk melaburkan wang simpanan CPF anda dalam pelan sedemikian, anda boleh menjangkakan pulangan yang lebih lumayan dalam jangka masa panjang berbanding jika anda membeli saham sendiri.

S9. Bagaimana cadangan untuk membataskan penggunaan CPF untuk perumahan akan menjejaskan keupayaan saya untuk membeli hartanah atau keupayaan saya untuk membayar pinjaman perumahan saya?

Kemampuan untuk memiliki rumah tidak terjejas. Sekiranya anda membeli flat HDB dengan diberikan

pinjaman bersubsidi daripada HDB, batasan itu tidak dikenakan ke atas anda. Jika anda telah membeli flat HDB, batasan itu juga tidak dikenakan kepada anda. Batasan itu dikenakan ke atas pembeli rumah baru, tetapi untuk mereka, batasan itu tidak membebankan. Pembeli rumah boleh membayar ansuran gadai janji dengan menggunakan wang CPF sahaja untuk tempoh sekitar 20 tahun, sebelum mereka perlu mula menggunakan wang tunai untuk melangsaikan bayaran ansuran mereka.